

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL  
GHAPUR BIN HAJI SALLEH  
(KALABAKAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 21.11.2016**

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI  
SALLEH [ KALABAKAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan  
semenjak Kerajaan memberhentikan perdagangan kaedah tukar-  
barang (Barter Trade) antara negeri Sabah dengan negara-negara  
jirannya:-

- (a) berapakah jumlah kerugian pihak Kerajaan sama ada dalam bentuk cukai, levi, fi dan sebagainya akibat pemberhentian perdagangan kaedah tersebut; dan
- (b) sejauh manakah keberkesanan keputusan ini dalam membendung dan mencegah aktiviti penyeludupan barang, penyeludup manusia, terutama sekali pencerobohan dan penculikan.

## **JAWAPAN**

### **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri memperoleh hasil daripada aktiviti *barter trade* antara lain melalui penjualan borang kebenaran bagi menjalankan aktiviti tersebut serta pungutan hasil berkenaan penggunaan pelabuhan seperti Dius Pelabuhan dan Dermaga (*Ports and Harbours Dues*), Dius Dermaga (*Wharf Dues*), Dius Pengendalian (*Handling Dues*) serta Dius Pendaratan dan Perkapalan (*Landing and Shipping Dues*). Hasil Kerajaan Persekutuan pula diperoleh daripada duti kastam yang dikenakan ke atas barang yang diimport dan dieksport di bawah Akta Kastam 1967.

Pemberhentian aktiviti *Barter Trade* di Sabah telah dilaksanakan mulai 1 April 2016 bagi membendung aktiviti pencerobohan, penculikan dan aktiviti penyeludupan barangan dan kemasukan Pendatang Tanpa Izin (PTI). Tindakan tersebut diambil berdasarkan maklumat risikan yang lengkap berhubung kegiatan *Barter Trade* di antara Sabah dan Filipina yang terbukti telah bertindak sebagai pembekal maklumat tentang pergerakan pasukan keselamatan di perairan Sabah. Perkara ini mendatangkan risiko kawalan keselamatan di perairan Sabah yang sekaligus memudahkan pihak

tidak bertanggungjawab meneruskan aktiviti jenayah antaranya *Kidnap for Ransom* (KFR) dan penyeludupan barangan dan orang.

Aktiviti *Barter Trade* yang menggunakan mod pengangkutan kapal kumpit pula sering disalahguna terutama di pihak Filipina yang mana barang perdagangan tidak dibawa masuk melalui pelabuhan *barter trade* berdaftar tetapi sebaliknya dijual terus kepada penduduk di Pulau Tawi-Tawi dan Jolo yang diketahui dan terbukti mempunyai rangkaian kumpulan KFR.

Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada agensi Maritim di ESSZone, terdapat peningkatan yang mendadak dari segi kes tangkapan melibatkan penyeludupan barang semenjak aktiviti *barter trade* dihentikan. Ini jelas membuktikan penamatan aktiviti *barter trade* telah berjaya meningkatkan keberkesanan langkah yang diambil oleh agensi-agensi penguatkuasaan. Sebagai contoh, tangkapan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, bagi tempoh Januari sehingga Jun 2016 kes tangkapan meningkat sebanyak 171% berbanding tangkapan keseluruhan bagi tahun 2015. Begitu juga tangkapan di bawah Akta Kastam 1967 bagi tempoh Januari sehingga Jun 2016 yang meningkat sebanyak 83% berbanding jumlah tangkapan keseluruhan pada tahun 2015. Sebagai kesimpulan, tindakan penggantungan aktiviti *barter trade* merupakan tindakan yang tepat di pihak Kerajaan dalam usaha membanteras aktiviti penyeludupan di negeri Sabah demi membendung ketirisan hasil

serta menjamin keselamatan negara.

Anggaran kehilangan hasil Kerajaan daripada penggantungan aktiviti *barter trade* adalah di sekitar RM800,000.

**NO. SOALAN: 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS  
[ BETONG ]**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS [ BETONG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Malaysia akan mencapai negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari aspek ekonomi, antara petunjuk penting dan kritikal untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi adalah pembentukan sebuah ekonomi yang dinamik, berdaya saing, berdaya tahan dan bersifat inklusif. Objektif mencapai negara berpendapatan tinggi lebih dari sekadar pencapaian dari aspek ekonomi semata-mata. Ia juga merangkumi pelbagai aspek termasuklah pembentukan sebuah masyarakat yang bersatu padu, bermoral dan beretika, bertolak ansur, saintifik dan progresif, serta masyarakat yang penyayang dan makmur. Kita perlu mencapai semua matlamat ini sebelum kita boleh menganggap negara kita sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi sepenuhnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas 25 tahun Wawasan 2020 diperkenalkan, asas ekonomi negara terus kukuh di mana prestasi ekonomi negara kekal mapan dan telah mencatat pertumbuhan purata tahunan benar sebanyak 6.2% dalam tempoh tahun 1991 hingga tahun 2015. Ini merupakan antara kadar yang tertinggi di dunia.

Dari segi struktur ekonomi pula, Malaysia telah pun mencerminkan struktur ekonomi negara maju di mana sumbangan sektor perkhidmatan kepada ekonomi kini adalah hampir 54% dan sektor pembuatan sebanyak 23%. Sementara itu, negara masih dapat mengekalkan kadar inflasi dan kadar pengangguran yang rendah.

Dari aspek pelaburan asing, negara juga berjaya menarik sejumlah pelaburan langsung asing sebanyak RM43.4 bilion pada tahun 2015. Sehingga Januari - Jun 2016, negara berjaya menarik pelaburan langsung asing sejumlah RM23.8 bilion. Ini menunjukkan bahawa Malaysia terus kekal sebagai destinasi pilihan untuk syarikat asing untuk melabur di rantau Asia.

Dari sudut sosioekonomi pula, selaras dengan pembangunan inklusif, kadar kemiskinan telah berkurang daripada 12.4% pada tahun 1992 dan kepada 0.6% pada tahun 2014, manakala kemiskinan tegar telah berjaya dibasmikan. Dalam tempoh yang sama, pendapatan penengah pula meningkat daripada RM166 kepada RM4,585. Jurang pendapatan juga semakin mengecil seperti yang ditunjukkan oleh pekali Gini daripada 0.442 pada tahun 1990 kepada 0.401 pada tahun 2014.

Dengan pengukuhan asas ekonomi ini, Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita telah meningkat 4.6 kali daripada RM7,829 (AS\$2,847) pada tahun 1991 kepada RM36,285 (AS\$9,295) pada tahun 2015. Oleh itu, negara sedang berada atas landasan yang betul untuk mencapai status berpendapatan tinggi menjelang 2020. Ini adalah berdasarkan perbandingan dengan tahap minimum PNK per kapita yang ditetapkan oleh Bank Dunia pada masa ini iaitu sebanyak AS\$12,476 untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara cabaran utama yang kita hadapi dalam mencapai status negara maju berpendapatan tinggi adalah produktiviti yang masih rendah berbanding dengan negara-negara maju dan beberapa negara

membangun. Di samping itu, negara masih lagi bersaing dengan negara-negara serantau dari segi ekonomi berintensif buruh dengan kos rendah berbanding model berintensif inovasi. Oleh itu, terdapat potensi yang besar bagi negara untuk membuat lonjakan dan merapatkan jurang perbezaan ini.

Dalam menangani cabaran ini, melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan telah menggariskan strategi bagi memastikan ketahanan ekonomi makro termasuklah:

- a. Meningkatkan produktiviti dan inovasi untuk memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif. Dalam hubungan ni, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan dipacu oleh peningkatan dalam produktiviti dan kebergantungan kepada input modal dan pekerja akan dikurangkan. Usaha bagi meningkatkan produktiviti akan dilaksanakan di semua peringkat iaitu makro, industri dan firma serta diterajui oleh juara industri;
- b. Meningkatkan pembangunan modal insan termasuk mengupayakan TVET ke arah mewujudkan lebih ramai pekerja mahir bagi memenuhi keperluan industri akan datang;
- c. Menggalakkan lagi pelaburan swasta untuk menerajui pertumbuhan ekonomi;
- d. Meningkatkan lagi eksport untuk menambah baikimbangan perdagangan;



- e. Meningkatkan fleksibiliti dasar fiskal untuk memastikan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang lebih mampan; dan
- f. Meningkatkan kesejahteraan rakyat termasuk meningkatkan taraf hidup isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah.

Berdasarkan kepada langkah dan strategi yang disebutkan tadi, Kerajaan yakin negara mampu untuk terus mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta berada di landasan untuk mencapai tahap ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Sekian. Terima kasih.

November 2016

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**TARIKH** : **21.11.2016**  
**DARIPADA** : **DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN  
NARRASHID**  
**SOALAN** : **NO. 33**

**Datuk Noor Ehsanuddin Bin Mohd Harun Narrashid [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah *Education Malaysia Global Services (EMGS)* berupaya meningkatkan saringan awal terhadap pelajar-pelajar antarabangsa dari unsur-unsur fahaman *extremis* dan songsang seperti DAESH.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Education Malaysia Global Services (EMGS) merupakan sebuah Syarikat Berhad Mengikut Jaminan (SBMJ-Guaranteed Limited Company yang bukan berasaskan keuntungan). EMGS diletakkan di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk menjalankan fungsi pemasaran, promosi dan pengurusan perekrutan pelajar antarabangsa ke Malaysia.

EMGS melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan konsisten melalui saringan permohonan visa pelajar antarabangsa sebelum pelajar tersebut memasuki Malaysia atau diberikan pas pelajar oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). EMGS akan memastikan semua pemohon telah mematuhi semua syarat yang dikuatkuasakan oleh agensi yang berkaitan sebelum dibenarkan mengikuti pengajian mereka di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

EMGS juga berperanan dalam pengurusan dan pengoperasian permohonan visa yang lebih cekap dan sistematik. Sehubungan itu, setiap permohonan visa kebenaran belajar yang dikeluarkan oleh JIM perlu melalui tapisan diperingkat KPT. KPT telah menguatkuasakan syarat iaitu memastikan semua IPT yang menawarkan pengajian kepada pelajar antarabangsa adalah berlandaskan kepada program dan pelajar yang berkualiti dan sah. Proses saringan melibatkan beberapa perkara berikut:

- (a) setiap IPT perlu melalui proses penilaian dan saringan sebelum diberi kelulusan untuk merekrut pelajar antarabangsa. Surat kelulusan ini dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) setelah mendapat syor daripada KPT;
- (b) setiap kursus yang ditawarkan kepada pelajar antarabangsa mesti memperoleh akreditasi penuh oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). KPT akan mengeluarkan surat Kelulusan Kursus Pengajian setelah mendapat maklum balas daripada MQA;
- (c) EMGS akan menyemak semua kelayakan akademik pelajar bagi memastikan pelajar yang ditawarkan tempat telah memenuhi syarat kelayakan akademik seperti yang terkandung di dalam surat Kelulusan Kursus Pengajian;
- (d) JIM akan mengeluarkan pas pelajar setelah permohonan mendapat surat sokongan EMGS dan pelajar didapati bebas dari sebarang rekod jenayah dan sebagainya;
- (e) pelajar juga disyaratkan lulus pemeriksaan kesihatan dan memiliki polisi perlindungan insuran mengikut spesifikasi yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
- (f) Syarat tambahan dikenakan kepada pelajar dari negara-negara Sudan dan Iran iaitu mengemukakan surat tiada halangan (NOC) oleh badan kawal selia pendidikan negara masing-masing.

Menerusi sistem *Students Application and Registration System* (STARS), EMGS telah mewujudkan satu mekanisme pemantauan dan pengurusan kemasukan pelajar antarabangsa ke IPT Malaysia dengan cekap dan berkesan. Maklumat berkenaan dapat disalurkan oleh EMGS kepada mana-mana agensi kawal selia untuk rujukan dan tindakan serta merta.

EMGS telah melaksanakan permohonan visa sepenuhnya atas talian dengan meningkatkan kapasiti dan kesediaan Sistem Aplikasi Permohonan Visa iaitu myIMMs milik JIM dan STARS milik EMGS. Kemudahan ini disediakan kepada pihak institusi dan pelajar untuk memuat naik dokumen yang diperlukan ke dalam sistem secara atas talian. Pelaksanaan penambahbaikan ini akan memastikan kelulusan Visa Dengan Rujukan (VAL) akan diperolehi dalam masa 14 hari bekerja. Penambahbaikan ke atas Proses Permohonan Pas Pelajar Antarabangsa ke IPT di Malaysia telah dilaksanakan bermula 1 Oktober 2016.

Pihak KPT juga membuat pemantauan dan memeriksa IPT bagi memastikan IPT mematuhi garis panduan dan piawaian pengambilan pelajar antarabangsa. Setiap IPT perlu mengemukakan laporan pelajar antarabangsa setiap suku tahun (empat kali setahun) kepada KPT. Bagi IPTS pula, sekiranya didapati melanggar syarat kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa, KPT akan mengesyorkan kepada KDN untuk menarik balik lesen kelulusan yang diberikan kepada IPTS berkenaan.